



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUUKUR BAHAN  
2022  
UKUR BAHAN**

**KOD : PJU02**  
**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR  
TENDER/KONTRAK**  
**TARIKH : 8 OGOS 2022**  
**MASA : 2.00 PTG. – 5.00 PTG.**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

## ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada setiap helaian kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan.** Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja.** Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. **Jawab secukup soalan sahaja** mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calun digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan di mana yang sesuai.
7. **Calon-calun dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan** melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas jawapan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calun adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calun dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. **Calon-calun tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit** dari mulanya peperiksaan.
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calun yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.**
14. **Calon-calun yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

**PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK1), perolehan kerajaan terbahagi kepada tiga (3) kategori.
- i) Senaraikan **tiga (3)** kategori perolehan kerajaan.  
(3 markah)
- ii) Huraikan dengan ringkas **tiga (3)** perolehan kerajaan yang disenaraikan di atas berserta contoh.  
(9 markah)
- b) *Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan kerajaan.
- i) Huraikan dengan ringkas apa yang anda faham tentang *Integrity Pact*.  
(2 markah)
- ii) Nyatakan **tiga (3)** tujuan utama pelaksanaan *Integrity Pact*.  
(6 markah)

SOALAN 2

- a) Senaraikan **lima (5)** kandungan maklumat dalam iklan tender.  
(10 markah)
- b) Senaraikan **empat (4)** tugas Jawatankuasa Pembuka Tender.  
(8 markah)
- c) Huraikan secara ringkas maksud Surat Setuju Terima (SST).  
(2 markah)

SOALAN 3

Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK2.1), menyatakan perolehan kerja secara sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor yang berdaftar dalam Gred G1 dan G2.

- a) Lengkapkan ruang yang bertanda (i) hingga (iv) pada **jadual 3** di bawah:

Bil.	Gred Pendaftaran Kontraktor	Nilai Perolehan (RM)	Bilangan Minimum Pelawaan Kepada Kontraktor
1.	Gred G1	(i)	(ii)
2.	Gred G2	(iii)	(iv)

**Jadual 3**

- (10 markah)
- b) Senaraikan **lima (5)** perkara yang terkandung dalam dokumen sebut harga bagi perolehan kerja.  
(10 markah)

SOALAN 4

Dokumen kontrak merupakan dokumen bertulis yang penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan.

- a) Nyatakan **tiga (3)** keperluan dokumen kontrak.

(6 markah)

- b) Setiap dokumen kontrak perlu disetem. Siapakah yang perlu menanggung kos dan berapa lamakah tempoh yang dibenarkan untuk proses tersebut dilaksanakan?

(4 markah)

- c) Senaraikan **sepuluh (10)** kandungan dokumen kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi.

(10 markah)

SOALAN 5

Anggaran kos awalan disediakan setelah reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina siap.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan anggaran kos awalan?

(2 markah)

- b) Nyatakan **tiga (3)** tujuan anggaran kos awalan disediakan.

(6 markah)

- c) Senaraikan **tiga (3)** maklumat yang diperlukan dalam penyediaan anggaran kos awalan?

(6 markah)

- d) Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis-ECA*) merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam penyediaan anggaran kos awalan. Huraikan secara ringkas penyediaan tersebut menggunakan kaedah Analisis Kos Elemen.

(6 markah)

SOALAN 6

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK4.1), bayaran pendahuluan adalah satu kemudahan kewangan untuk membantu kontraktor melaksanakan kerja pembinaannya dan dibenarkan kepada kontraktor tempatan sahaja.

<b>Tajuk Projek : Pembinaan Rumah Rakyat Di Sibu, Sarawak</b>	
<u>Maklumat Kontraktor Utama</u>	
Nama Kontraktor Utama	: Megah Holding Sdn. Bhd.
Harga Kontrak	: RM85,000,000.00
Wang Peruntukan Sementara (WPS)	: RM3,000,000.00
Wang Kos Prima	: RM8,000,000.00
Tempoh Kontrak	: 24 Bulan
<u>Maklumat Sub Kontraktor Yang Dinamakan (<i>Nominated Sub Contractor - NSC</i>)</u>	
Nama NSC	: JK Utama Sdn. Bhd
Tempoh Kontrak	: 10 Bulan
Harga Kontrak	: RM8,350,000.00

**Jadual 6(a)**

Berdasarkan **jadual 6(a)** di atas, nyatakan kadar dan kirakan jumlah bayaran pendahuluan kepada kontraktor berikut:

- i) Kontraktor utama
- ii) Sub kontraktor yang dinamakan

*(16 markah)*

- b) Perakuan interim merupakan bayaran secara bulanan yang perlu dibuat menurut klausa 28 peruntukan Syarat-syarat Kontrak *PWD Form JKR 203/203A*. Berdasarkan klausa 28 tersebut, lengkapkan maklumat yang bertanda **(i) dan (ii)** dalam **jadual 6(b)** di bawah:

Tempoh Pengeluaran Perakuan Bayaran Interim	(i)
Tempoh Bayaran Perakuan Bayaran Interim	(ii)

**Jadual 6(b)***(4 markah)*

SOALAN 7

Berdasarkan klausa 51 Syarat-syarat Kontrak *PWD Form JKR 203/203A*, penamatan kontrak boleh dilaksanakan sekiranya kontraktor memungkir tanggungjawab kontraknya.

- a) Senaraikan **lima (5)** keadaan yang membolehkan kerajaan untuk mempertimbangkan penamatan pengambilan kerja kontraktor.

(10 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertain Damages-LAD*)? Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa sebelum mengenakan *LAD* kepada kontraktor.

(4 markah)

Jenis Perolehan	Tender Konvensional
Syarat-syarat Kontrak	<i>P.W.D. Form 203A (Rev.1/2010)</i>
Harga Kontrak	RM25,000,000.00
Tarikh Siap Asal	1 Januari 2021
Tarikh Siap Semasa	25 Januari 2021
Peratusan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan ( <i>Liquidated Ascertain Damages-LAD</i> ).	0.015% sehari

**Jadual 7**

- c) Berdasarkan **jadual 7** di atas:

- i) Nyatakan formula untuk pengiraan peratusan *LAD*

(2 markah)

- ii) Kirakan jumlah *LAD* yang dikenakan kepada kontraktor.

(4 markah)

SOALAN 8

Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila kerja telah siap dan seterusnya akan diserahkan kepada pihak pelanggan.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan penyiapan kerja yang praktikal?

*(2 markah)*

- b) Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu dipenuhi dalam menentukan sama ada kerja telah mencapai penyiapan praktikal.

*(15 markah)*

- c) Apakah yang dimaksudkan dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan?

*(3 markah)*

SOALAN 9

- a) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 202.1, berikan definisi Arahan Perubahan Kerja.

*(4 markah)*

- b) Nyatakan **empat (4)** kriteria bagi perubahan kerja berdasarkan AP 202.1.

*(8 markah)*



**SOALAN 9 (sambungan)**

- c) Lengkapkan ruang yang bertanda (i) hingga (iv) pada jadual 9 di bawah dengan menyatakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) mengikut nilai perubahan.

Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.	(i)
2.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM2 juta.	(ii)
3.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM6 juta.	(iii)
4.	Dalam semua hal lain.	(iv)

**Jadual 9**

(8 markah)

SOALAN 10

Lengkapkan ruang yang bertanda **(i) hingga (x)** pada **jadual 10** di bawah dengan menyatakan tajuk borang dan huraikan secara ringkas penggunaan borang-borang piawai tersebut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Borang</b>	<b>Tajuk Borang</b>	<b>Penggunaan Borang</b>
1.	JKR 66	<b>(i)</b>	<b>(ii)</b>
2.	JKR 66A	<b>(iii)</b>	<b>(iv)</b>
3.	JKR 203T	<b>(v)</b>	<b>(vi)</b>
4.	JKR 203S	<b>(vii)</b>	<b>(viii)</b>
5.	JKR 203X	<b>(ix)</b>	<b>(x)</b>

**Jadual 10***(20 markah)*

\*\*\*\*\*